



Kebaikan Membaca Buku

Individu yang berilmu pasti menjalani kehidupan dengan pegangan dan prinsip yang baik lagi kukuh. Ironinya, terdapat segelintir masyarakat yang masih mengambil mudah tentang tabiat membaca dalam kehidupan seharian. Amalan membaca hanya dipraktikkan untuk lulus dalam peperiksaan semata-mata. Hakikatnya, amalan membaca dapat membawa banyak perubahan positif kepada seseorang yang memandang serius terhadap kepentingan ilmu dalam kehidupan mereka. Oleh itu, penulisan pada kali ini akan merungkaikan kebaikan dan kelebihan membaca dalam kalangan masyarakat.

Amalan membaca dapat dijadikan sebagai senaman untuk otak manusia dalam meningkatkan proses kognitif pembaca. Umum mengetahui bahawa otak merupakan kurniaan Tuhan yang amat bermanfaat untuk menimba ilmu secara tidak terhad, selain mengawal kesemua aktiviti dalam badan manusia. Dalam otak manusia, terdapat berbilion sel atau neuron yang berfungsi secara semula jadi untuk menghubungkan sel-sel otak apabila seseorang individu membaca buku. Contohnya, membaca majalah *Dewan Siswa* untuk menjana

sumber ilmu pengetahuan melalui penghasilan cerpen yang merangsang minda dalam menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti dan terkini untuk pembacaan pelajar. Kebiasaannya, otak pembaca akan terangsang dengan lambakan ilmu dan maklumat malah dapat berfikir dari perspektif yang berbeza dan luar biasa. Amalan membaca dapat meningkatkan aktiviti produktif untuk otak manusia dalam mencapai potensi kognitif yang kukuh dan maksimum.

Selain itu, pembacaan buku secara konsisten juga dapat meningkatkan daya kreativiti individu. Menurut Chambers, buku merupakan penasihat yang kekal. Individu yang menambahkan ilmu pengetahuan dengan membaca sudah tentu dapat menzahirkan idea atau pelan yang strategik lagi efektif bagi mengatasi pelbagai masalah dalam kehidupannya. Buktinya, melalui pembacaan, mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya membendung krisis kewangan yang membimbangkan negara pada suatu ketika dahulu. Oleh itu, kejayaan beliau harus dijadikan sebagai inspirasi dan motivasi kepada semua, untuk menelaah bahan bacaan. Amalan ini perlu dilakukan sejak kecil kerana melentur biarlah waktu rebung. Dengan ini, kita dapat melahirkan generasi muda yang kreatif, berkualiti dan berinovatif dalam menjana idea pada masa akan datang. Jelaslah bahawa, amalan membaca memainkan peranan penting dalam mengasah ketajaman kreativiti seseorang individu.

Di samping itu, amalan membaca juga dapat memperkukuh tahap dan mutu bahasa seseorang individu. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa melambangkan keterampilan dan keintelektualan diri seseorang. Oleh hal yang demikian, kita harus berusaha membaca pelbagai jenis bahan bacaan sehingga mencapai kecemerlangan bahasa tidak kira dalam penulisan atau pertuturan. Sebagai analogi, kita boleh menjadikan majalah *Pelita Bahasa* sebagai peneman setia untuk mempelajari struktur kata yang tepat. Kesannya, kita tidak akan menyalahgunakan istilah bahasa ketika berdiskusi dengan orang lain. Tambahan pula, kita juga dapat menjadi suri teladan kepada orang lain dalam penggunaan bahasa. Benarlah bahawa, amalan membaca dapat meningkatkan mutu bahasa yang sempurna.

Kesimpulannya, amalan membaca dapat memberikan impak yang tinggi terhadap kehidupan manusia. Melalui pembacaan yang konsisten, seseorang itu dapat meluaskan horizon pemikiran malah mencerminkan keintelektualan yang tinggi. Masyarakat yang cakna akan kepentingan membaca mampu mengharungi pelbagai rintangan di alam sarwajagat yang penuh dengan pancaroba. Oleh itu, pihak kerajaan dan ibu bapa haruslah bekerjasama untuk menyuntik amalan membaca dalam minda dan hati generasi muda. Mereka juga harus mempergiat usaha dan inisiatif untuk menggalakkan masyarakat menjadikan membaca sebagai amalan hidup mereka. 📖